# CERITA JENAKA ORANG MELAYU BRUNEI : DOKUMENTASI DAN ANALISIS UNSUR HUMOR

NURDIYANA BNTI ZAKI

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

FAKULTI KEMANUSIAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014

# CERITA JENAKA ORANG MELAYU BRUNEI: DOKUMENTASI DAN ANALISIS UNSUR HUMOR

**NURDIYANA BINTI ZAKI**

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA SASTERA (SENI KREATIF)**

**FAKULTI KEMANUSIAN, SENI DAN WARISAN**
**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**
**2013**

# UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**BORANG PENGESAHAN TESIS**

**JUDUL** : _____
_____
_____

**IJAZAH** : _____
_____

**SAYA** : _____ **SESI PENGAJIAN** : _____
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐ SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐ TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐ TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

_____ _____
(TANDATANGAN PENULIS) (TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: _____
_____
_____
_____

_____
(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____ TARIKH: _____

Catatan:
*Potong yang tidak berkenaan.
*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.
*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

UMS UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PENGAKUAN**

Tulisan ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.

19 Disember 2013

Nurdiyana Binti Zaki

PY20118279

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PENGESAHAN**

| | | |
|---|---|---|
| **NAMA** | : | **NURDIYANA BINTI ZAKI** |
| **KAD MATRIK** | : | **PY20118279** |
| **TAJUK** | : | **CERITA JENAKA ORANG MELAYU BRUNEI: DOKUMENTASI DAN ANALISIS UNSUR HUMOR** |
| **IJAZAH** | : | **IJAZAH SARJANA SASTERA (SENI KREATIF)** |
| **TARIKH VIVA** | : | **10 MAC 2014** |

**DISAHKAN OLEH**

**PENYELIA UTAMA**
**1.Profesor Madya Dr. Low Kok On** Tandatangan

_____

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGHARGAAN

Syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah izinNya tesis ini dapat disiapkan seperti yang dirancang. Terlebih dahulu setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada Profesor Madya Dr. Low Kok On yang telah banyak memberikan bimbingan dan tunjuk ajar sejaktesis ini mula ditulis sehinggalah berjaya disiapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada semua informan yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang kajian cerita jenaka Melayu Brunei ini dilakukan.Ucapan ribuan terima kasih diucapkan kepada pihak Pejabat Daerah Papar, Pejabat Daerah Sipitang dan beberapa individu yang sudi membantu pengkaji dengan memperkenalkan informan-informan penting bagi kajian ini. Ucapan terima kasih turut diberikan kepada Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Pusat Dokumentasi Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan negeri Sabah, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Perpustakaan Universiti Malaya (UM), Arkib Cawangan Negeri Sabah dan Perpustakaan Penyelidikan Borneo Tun Haji Fuad Stephen (Yayasan Sabah) kerana telah memberi keizinan kepada pengkaji mendapatkan bahan rujukan berkaitan dengan kajian ini.

Di kesempatan ini juga, pengkaji juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) dan pihak Universiti Malaysia Sabah kerana memberi bantuan berbentuk biasiswa sepanjang pengajian ini. Ucapan terima kasih turut dirakamkankepada semua pensyarah Sekolah Pengajian Seni serta rakan-rakan seperjuangan lain yang sudi menghulurkan bantuan sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.Tidak ketinggalan ahli keluarga tercinta, Abah, Mak serta adik beradik yang lain kerana sentiasa memberi semangat dan dorongan yang tidak putus-putus sehingga tesis ini disiapkan. Sesungguhnya doa dan restu kalian adalah pembakar semangat kepada diri pengkaji.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## ABSTRAK

Cerita jenaka merupakan salah satu komponen cerita rakyat yang popular dalam kalangan orang Melayu Brunei di Sabah pada suatu ketika dahulu. Namun pada masa kini, cerita-cerita seperti ini tidak lagi mendapat sambutan untuk diperdengarkan pada masa lapang. Dalam kajian ini, tumpuan utama pengkaji adalah merakam dan mendokumentasi seberapa banyak cerita jenaka daripada informan Melayu Brunei. Lokasi kajian tertumpu di beberapa buah daerah yang padat dengan orang Melayu Brunei, iaitu di Daerah Sipitang, Daerah Beaufort dan Daerah Papar. Dua buah teori humor, iaitu Teori Kejanggalan dan Teori Superioriti akan digunakan sebagai dasar analisis unsur humor dalam cerita jenaka Melayu Brunei. Selain mengabadikan salah satu khazanah lisan orang Melayu Brunei, kajian ini turut akan menonjolkan keistimewaan yang ada pada cerita jenaka orang Melayu Brunei.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## *ABSTRACT*

### *BRUNEIAN MALAY HUMOR'S STORIES: DOCUMENTATION AND ANALYSIS OF HUMOR*

*Humorous tales are one of the components in folklore which are popular among the Brunei Malay's society. But nowadays, telling such tales is no longer a favourite past time. In this research, field work was conducted in order to record and document as much humorous tales collected from informants of Brunei Malay descent. The information gained from the field work was categorised based on the specific properties of the characters in the folklores. The location of the research is restricted to a few districts that have a high percentage of Bruneian Malays namely in Sipitang, Beaufort and Papar. From the field work and the library research conducted, forty four Brunei Malay folklorewas gathered into a corpus for this study. Two theories, which are the Incongruity Theory and the Superiority Theory will be used as the basis for analysis of the element of humor in Bruneian Malay folk tales. Other than to immortalize one of the verbal heritages of the Brunei Malays, this study will also project the uniqueness of the Bruneian Malay humorous tales.*


UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI KANDUNGAN

Muka Surat


**PENGAKUAN** ii

**PENGESAHAN** iii

**PENGHARGAAN** iv

**ABSTRAK** v

*ABSTRACT* vi

**SENARAI KANDUNGAN** vii

**SENARAI PETA** xi

**SENARAI JADUAL** xi

**BAB 1: PENGENALAN**

1.1 Latar Belakang Kajian 1

1.2 Permasalahan Kajian 2

1.3 Objektif Kajian 3

1.4 Metodologi dan Kaedah Kajian 3

1.4.1 Kaedah Temu Bual 4

1.4.2 Mentranskripsi 4

1.4.3 Mengkategori dan Mendokumentasi Cerita 5

1.4.4 Kaedah Analisis 5

1.5 Lokasi Kajian 6

1.5.1 Daerah Papar 6

1.5.2 Daerah Sipitang 8

1.5.3 Pekan Kecil Weston (Beaufort) 8

1.6 Definisi Cerita Jenaka 9

1.7 Istilah Jenaka dan Unsur Kejenakaan: Satu Penjelasan 11

1.8 Kerangka Teori 13

1.8.1 Teori Kejanggalan (*Incongruity Theory*) 13

1.8.2 Teori Superioriti (*Superiority Theory*) 15

1.9 Orang Melayu Brunei: Satu Pengenalan 18

1.10 Batasan Kajian 23


UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.11 Kepentingan Kajian 24
1.12 Rumusan 24

**BAB 2: SOROTAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan 25
2.2 Kajian Lepas Cerita Jenaka Melayu 27
2.3 Kajian Lepas Cerita Jenaka Sarawak dan Sabah 44
2.4 Kajian Lepas Cerita Jenaka Melayu Brunei 49
2.5 Rumusan 51

**BAB 3: KERJA LAPANGAN DAN HASIL KERJA LAPANGAN**

3.1 Pengenalan 52
3.2 Kaedah Pengumpulan Data 52
3.3 Kajian Perpustakaan 52
3.4 Kaedah Kerja Lapangan 53
3.4.1 Tahap-tahap Kerja Lapangan 53
3.4.2 Tahap mengenal Pasti Lokasi Kajian dan Informan 53
3.4.3 Tahap Membuat Temu Janji dan Menemu Bual Informan 54
3.4.4 Tahap Mentranskrip dan Mengkategori Cerita Jenaka 55
3.4.5 Tahap Menganalisis Cerita Jenaka Melayu Brunei 56
3.5 Hasil Kerja Lapangan (Teks Verbatim) 56
3.5.1 Teks Verbatim Cerita Si Paloi dan Paluian 58
3.5.2 Teks Verbatim Cerita Jenaka Awang 62
3.5.3 Teks Verbatim Cerita Jenaka Watak Tanpa Nama 72
3.5.4 Teks Verbatim Cerita Jenaka Si Alui 84
3.5.5 Teks Verbatim Cerita Jenaka Abu Nawas 85
3.5.6 Teks Verbatim Cerita Jenaka Si Gantang 88
3.6 Rumusan 89

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**BAB 4: PENGKATEGORIAN, KONTEKS DAN FUNGSI CERITA JENAKA MELAYU BRUNEI**


| | | |
|---|---|---|
| 4.1 | Pengenalan | 91 |
| 4.2 | Pengkategorian Watak Cerita Jenaka Melay Brunei | 91 |
| 4.2.1 | Watak Jenaka Bodoh | 92 |
| 4.2.2 | Watak Jenaka Bodoh Sial | 94 |
| 4.2.3 | Watak Jenaka Bodoh Pintar | 95 |
| 4.2.4 | Watak Jenaka Pintar Menipu (*Trickster*) | 96 |
| 4.2.5 | Watak Jenaka Bodoh Tuah | 99 |
| 4.2.6 | Rumusan Pengkategorian Watak | 100 |
| 4.3 | Konteks Bercerita Melayu Brunei | 101 |
| 4.3.1 | Konteks Bercerita Pada Masa Lapang | 102 |
| 4.3.2 | Konteks Bercerita Pada Bila-bila Masa | 103 |
| 4.3.3 | Konteks Bercerita Majlis Keramaian | 104 |
| 4.3.4 | Sewaktu Menidurkan Anak | 105 |
| 4.3.5 | Rumusan Konteks Bercerita | 105 |
| 4.4 | Fungsi Cerita Jenaka Melayu Brunei | 106 |
| 4.4.1 | Hiburan | 106 |
| 4.4.2 | Teladan dan Pengajaran kepada Masyarakat | 107 |
| 4.4.3 | Mengeratkan Hubungan Silaturrahim | 108 |
| 4.4.4 | Melepaskan Ketegangan dan Tekanan | 109 |
| 4.5 | Rumusan | 110 |


**BAB 5: ANALISIS UNSUR HUMOR DALAM CERITA JENAKA MELAYU BRUNEI**


| | | |
|---|---|---|
| 5.1 | Pengenalan | 112 |
| 5.2. | Analisis Unsur Kejanggalan Watak Bodoh | 113 |
| 5.3 | Analisis Unsur Kejanggalan Watak Bodoh Sial | 117 |
| 5.4 | Analisis Unsur Kejanggalan Watak Bodoh Pintar | 118 |
| 5.5 | Analisis Unsur Kejanggalan Watak Pintar Menipu | 119 |
| 5.6 | Analisis Unsur Kejanggalan Watak Bodoh Tuah | 120 |
| 5.7 | Analisis Unsur Superior Watak Bodoh | 122 |
| 5.8 | Analisis Unsur Superior Watak Bodoh Sial | 124 |


UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

5.9 Analisis Unsur Superior Watak Bodoh Pintar 125
5.10 Analisis Unsur Kejanggalan dan Unsur Superioriti dalam Cerita Jenaka Melayu Brunei 126
5.11 Rumusan 128

**BAB 6: PENUTUP** 130

**BIBLIOGRAFI** 131

**LAMPIRAN 1**

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI PETA


| | | |
|---|---|---|
| Peta 1 : | Peta Daerah Sabah | 6 |


## SENARAI JADUAL


| | | |
|---|---|---|
| Jadual 3.2 | Senarai kandungan Cerita Jenaka Melayu Brunei dan Maklumat informan | 56 |
| Jadual 4.1 : | Watak Jenaka Bodoh Melayu Brunei | 93 |
| Jadual 4.2 : | Watak Jenaka Bodoh Sial Melayu Brunei | 94 |
| Jadual 4.3 : | Watak Jenaka Bodoh Pintar Melayu Brunei | 96 |
| Jadual 4.4 : | Watak Pintar Menipu (*Trickster*) Melayu Brunei | 97 |
| Jadual 4.5 : | Watak Jenaka Bodoh Tuah Melayu | 99 |


UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# BAB 2

# SOROTAN LITERATUR

## 2.1 Pengenalan

Menurut Cooper (1984) dan Creswell (2003), terdapat tiga jenis sorotan literatur yang boleh diaplikasikan oleh penyelidik dalam penulisan tesis dan kertas cadangan. Jenis sorotan literatur yang pertama bersifat integratif, iaitu penyelidik akan membuat ringkasan umum terhadap semua bahan penerbitan yang berkait dengan bahan kajiannya. Cresswell (2003: 32) menyebutnya sebagai *summarizing broad themes in the literature*. Sorotan literatur jenis ini sangat popular dalam penulisan kertas cadangan dan tesis.

Jenis sorotan literatur yang kedua ialah ulasan teoritikal (*theoretical review*). Sorotan literatur jenis ini memerlukan pengkaji memfokuskan kepada teori-teori yang berkait rapat dengan fokus kajiannya. Sorotan literatur jenis ini popular dalam kalangan penulis artikel jurnal bagi menggabungkan teori-teori yang berhubung rapat dengan kajiannya.

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Jenis sorotan literatur yang ketiga ialah ulasan metodologikal (*metodological review*), iaitu pengkaji memfokuskan kepada definisi dan kaedah kajian yang terdapat dalam bahan penerbitan dan mempunyai kaitan dengan kajiannya. Selain membuat ringkasan umum terhadap kajian lepas, pengkaji juga akan mengulas kekuatan dan kelemahan kaedah kajian yang diguna pakai oleh pengkaji lepas. Jenis ketiga ini popular dalam kalangan penulis tesis dan jurnal. Cresswell (2003: 32) menegaskan bahawa sehingga kini, tiada ahli akademik yang menetapkan jenis sorotan literatur yang mana satukah paling sesuai diguna pakai oleh penulis tesis dan pengkaji.

Cooper (1984), Marshall dan Roosman (1999) serta Croswell (2003) sama-sama menyatakan apa yang penting adalah di akhir sorotan literatur nanti, seseorang pengkaji akan berkongsi dengan pembaca mengenai ringkasan kajian pengkaji lepas

yang berkait rapat dengan fokus kajiannya. Sehubungan itu, pengkaji dapat mengenal pasti mana-mana aspek lain yang belum dikaji oleh pengkaji-pengkaji terdahulu (*filling in gaps*).

Dalam tinjauan awal kajian perpustakaan yang pengkaji lakukan di beberapa buah perpustakaan seperti perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Pusat Dokumentasi Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan negeri Sabah, perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, dan perpustakaan Penyelidikan Borneo Tun Haji Fuad Stephen, Kota Kinabalu; didapati terdapat sejumlah penerbitan buku cerita jenaka yang telah diterbitkan. Daripada sebegitu banyak buku yang telah pengkaji temui dan baca, tidak ditemui penerbitan yang memberi tumpuan khusus mengenai kajian cerita rakyat Melayu Brunei di Sabah. Sekiranya adapun hanya menjadi sebahagian daripada perbincangan pengarang yang berkaitan sahaja. Selain buku, pengkaji juga telah menemui beberapa artikel jurnal yang mempunyai kaitan dengan kajian cerita rakyat.

Fokus utama perbincangan dalam bab sorotan literatur ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Dalam bahagian pertama, pengkaji akan mengulas beberapa hasil dapatan perbincangan kajian lepas mengenai cerita jenaka Melayu. Dalam bahagian kedua pula, pengkaji akan membincangkan kajian berkenaan cerita rakyat berunsur jenaka yang terdapat di Sabah dan Sarawak. Dalam bahagian ketiga pula, kajian tentang cerita rakyat berunsur jenaka Orang Melayu Brunei akan diulas. Ulasan terhadap kajian lepas dibuat supaya tidak berlaku pertindahan antara kajian yang bakal dilakukan kelak dengan yang telah dilakukan oleh pengkaji lepas. Kesemua bahan kajian lepas ini juga akan dijadikan bahan bacaan tambahan serta panduan kepada pengkaji agar analisis terhadap unsur-unsur kejenakaan dapat dikupas dengan baik dan lebih tuntas.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## 2.2 Kajian Lepas Cerita Jenaka Melayu

Dalam penelitian terhadap kajian terhadap cerita jenaka Melayu, pengkaji mendapati Munir Ali (1989), dalam kajiannya telah menurunkan beberapa buah contoh watak tipa jenaka Melayu yang popular iaitu bodoh, pintar bodoh, dan pintar. Watak tipa bodoh ini dikaitkan dengan watak Pak Kaduk dan Lebai Malang kerana watak-wataknya sering melakukan perkara yang merugikan diri sendiri akibat daripada membuat keputusan yang terburu-buru. Dalam cerita Pak Kaduk sebagai contoh, Pak Kaduk ditampilkan sebagai seorang yang bodoh kerana memakai baju daripada kertas dan akhirnya terkoyak selepas melompat kegembiraan melihat ayamnya menang. Perlakuannya itu menggambarkan dirinya sebagai manusia bodoh kerana membuat keputusan tanpa memikirkan akibat. Manakala kebodohan Lebai Malang pula disebabkan sifatnya yang tamak semasa menerima tiga jemputan kenduri. Oleh sebab sifatnya yang tamak, beliau gagal menghadiri ketiga-tiga jemputan tersebut. Sebagai perbandingan, Fatimah Md. Yassin (1991) dalam kajiannya menyatakan kegagalan Lebai Malang menghadiri jemputan kenduri tersebut bukan disebabkan ketamakannya tetapi kerana sikapnya yang tidak menepati masa.

Seterusnya, perbincangan watak bodoh pintar digambarkan melalui cerita Pak Pandir. Sifat bodoh pintarnya, kadang kala memberikan keuntungan kepada dirinya. Pak Pandir adalah seorang yang bodoh lagi dungu. Kedungguannya menyebabkan beberapa perkara lucu dilakukannya tanpa sedar. Antaranya adalah menangkap rusa untuk dijadikan umpan pancing dan memandikan anaknya dengan menggunakan air panas yang sedang menggelegak sehingga anaknya mati. Kebodohan dan kedungguannya ini menyebabkannya melakukan perkara sedemikian. Di sebalik sifatnya yang bodoh dungu ini terselit kepintara, yakni ia berjaya membunuh gergasi yang menghadiri kenduri di rumahnya. Kepintarannya ini menunjukkan bahawa tindakan bodoh tidak semestinya tidak menguntungkan.

Manakala watak pintar dalam cerita jenaka Melayu pula diwakili oleh Si Luncai dan Pak Belalang yang pada pengakhiran cerita, masing-masing memperoleh ganjaran daripada kepintaran masing-masing. Dalam cerita Si Luncai, Si Luncai telah mati dibunuh oleh puteri raja di akhir ceritanya kerana Si Luncai telah membunuh raja dan mengahwini puteri raja dengan menggunakan tipu muslihat. Hal sebaliknya pula

berlaku kepada Pak Belalang apabila Pak Belalang berjaya memperolehi kesenangan hidup melalui tipu muslihatnya sebagai seorang ahli nujum yang berkebolehan. Tipu muslihatnya sebagai ahli nujum telah menyebabkan Pak Belalang diangkat menjadi ahli nujum diraja.

Dalam penelitian pengkaji, kesemua watak tipa seperti bodoh, bodoh pintar dan pintar ini merupakan watak yang sering digunakan oleh pencerita Melayu bagi tujuan menyampaikan unsur pengajaran dan hiburan kepada masyarakat secara informal. Pengkaji mendapati bahawa watak-watak seperti ini digunakan bagi tujuan mengkritik sifat manusia yang kurang sopan, janggal atau keterlaluan berdasarkan kepada egonya. Contoh paling jelas digambarkan melalui ketamakan Lebai Malang sewaktu menerima jemputan kenduri. Pada hemah pengkaji, ketiga-tiga buah cerita yang diturunkan ini tidak dianalisis oleh Munir Ali (1989) tetapi dijadikannya sebagai contoh cerita jenaka dalam makalahnya.

Inon Shaharuddin (1991) dalam kajiannya berkenaan unsur–unsur kejenakaan dalam cerita Awang Melayu pula berusaha untuk menjawab persoalan kajian berkenaan bagaimanakah kejenakaan boleh tercetus berdasarkan kepada unsur-unsur yang terdapat dalam cerita Awang Melayu. Dalam kajiannya, penulis ini terlebih dahulu menghuraikan punca atau rangsangan yang dapat menyebabkan seseorang ketawa. Perbuatan senyum dan ketawa adalah satu gerak refleks yang dapat melegakan seseorang daripada sesuatu tekanan atau ketegangan. Dalam keadaan lucu, situasi tegang akan wujud dan disalurkan melalui naratif sehingga mencapai klimaks; klimaks ini boleh mengakibatkan ketegangan pecah dan akhirnya tercetuslah ketawa. Makalah ini turut menjelaskan bagaimana ketegangan dan keanjalan, yang merupakan dua sifat yang saling melengkapi ini berperanan dalam membentuk personaliti seseorang. Apabila ketegangan dan keanjalan tersebut mengalami kekurangan secara serentak, kejadian ini memberi kesan atas fikiran, personaliti dan fizikal seseorang sehingga orang berkenaan mungkin menjadi tidak normal dari segi sikap dan kelakuannya.

Terdapat beberapa unsur penting yang boleh mencetuskan kejenakaan adalah seperti watak, dan sifat jelik berdasarkan penjelasan Teori Superioriti. Sehubungan itu, penulis ini menjelaskan bahawa sifat manusia yang normal tidak akan kelihatan

janggal pada pandangan anggota masyarakatnya tetapi sifat abnormal seseorang akan kelihatan janggal. Seterusnya, ekspresi secara bawah sedar telah mengakibatkan seseorang memandang rendah kepada seseorang yang bersifat jelik atau luar biasa. Dalam penelitian pengkaji, sifat jelik yang dirungkai oleh Inon Shaharuddin (1991) dalam cerita Awang adalah sifat jelik Awang yang mencetuskan unsur kejenakaan, seperti yang ditonjolkan dalam cerita Awang Buta. Dalam cerita Awang Buta ini, sifat jeliknya terserlah apabila Awang Buta telah terjatuh ke dalam perigi semasa hendak mandi. Namun Awang Buta telah diselamatkan oleh bapa mertuanya dengan menghulurkan tangga. Oleh sebab sifat yang jelik, Awang Buta telah memanjat anak tangga tersebut sampai ke hujung dan bukannya keluar dari perigi. Perbuatan Awang Buta ini telah mencetuskan ketawa kepada pendengar kerana manusia yang normal tidak akan berkelakuan seperti Awang Buta.

Punca kedua yang menyebabkan orang ketawa adalah unsur perlakuan yang tidak normal. Unsur perlakuan tidak normal Awanglah yang menyebabkan orang ketawa. Hal ini ditonjolkan melalui perbuatan Awang Buta yang ingin memetik buah kelapa yang sedang dipanjat oleh Awang Burut. Oleh sebab kekurangan sifatnya, Awang Buta telah memetik “buah” Awang Burut yang disangkanya kelapa. Perlakuan Awang buta memetik “buah” Awang Burut ini mencetuskan unsur humor kerana Awang Buta tidak dapat melihat apa yang dilakukan olehnya. Perlakuan-perlakuan tidak normal seperti ini sering menimbulkan kelucuan dalam cerita Awang.

Ketiga-tiga unsur kejenakaan yang dikemukakan oleh Inon Shararuddin (1991) adalah unsur kehendak keterlaluan yang dapat mencetuskan kejenakaan. Dalam keadaan yang biasa, kehendak seseorang adalah berdasarkan kemampuan dirinya yang tidak keterlaluan, namun dalam cerita Awang pula berlaku hal yang sebaliknya dan kehendak yang keterlaluan itu menjadi salah satu unsur humor kerana terdapatnya kejutan yang disebabkan oleh sifat bertentangan antara kemampuan dan kehendak. Unsur ini telah ditonjolkan melalui cerita Awang Malas ingin berkahwin dengan puteri raja. Dalam cerita “Awang Malas” diceritakan bagaimana Awang Malas berjaya memperisterikan puteri raja dengan kesaktian yang dimilikinya. Unsur jenaka yang terdapat dalam episod ini ialah Awang berjaya memenuhi segala syarat-syarat yang ditetapkan sebelum dapat mengahwini puteri raja. Kejayaan Awang ini sesuatu

yang mustahil kerana syarat-syarat yang ditetapkan adalah pelik dan mustahil untuk ditunaikan.

Unsur terakhir yang boleh mencetuskan kejenakaan dalam cerita Awang ialah unsur makna sosial, iaitu membetulkan semula sikap seseorang terhadap masyarakat dengan proses pembetulan watak yang subnormal menjadi watak yang normal. Unsur ini dapat dilihat dalam cerita Awang Bongsu yang telah menjadi raja dan berkahwin dengan puteri raja setelah Awang Bongsu berjaya memenuhi syarat-syarat ganjil yang perlu dipenuhi sekiranya ingin mengahwini puteri raja. Dalam cerita Awang Bongsu ini, Awang berjaya memenuhi syarat-syarat tersebut dengan menggunakan tipu muslihat sehinggakan Awang Bongsu berjaya memalukan raja di hadapan rakyat jelata.

Dalam penelitian pengkaji, Inon Sahaharuddin (1991) tidak menyatakan sumber cerita Awang yang diperolehi sama ada hasil daripada kerja lapangan atau daripada sumber yang sudah diterbit sebagai korpus kajiannya. Selain itu, penulis ini tidak menyatakan secara khusus berkenaan cerita Awang yang mana satukah digunakan olehnya dalam analisis ceritanya. Oleh itu, adalah sukar bagi pembaca mengenal pasti cerita Awang yang mana satukah mempunyai unsur kejenakaaan yang dimaksudkan oleh penulis ini. Dari segi kekuatannya, kajian Inon Shaharuddin (1991) ini telah memberi sumbangan dalam kajian cerita jenaka Awang, yang tidak banyak diberikan tumpuan oleh pengkaji lain. Selain itu, unsur-unsur kejenakaan dan teori yang diguna pakai oleh Inon Shaharuddin (1991) ini sesuai dijadikan asas bagi pengkaji lain yang ingin mengkaji cerita jenaka.

Fatimah Md. Yassin (1991) telah menurunkan beberapa buah cerita watak tipa jenaka Melayu dan perbincangannya adalah mengenai unsur moral dalam cerita jenaka Melayu. Menurut penulis ini, isi cerita jenaka Melayu berkisarkan kepada hubungan pihak pemerintah dengan rakyat tetapi berbeza daripada yang terdapat dalam cerita penglipur lara. Hal sedemikian disebabkan cerita jenaka kebiasaannya mengenai konflik antara rakyat dengan raja. Selain itu, dalam cerita jenaka juga secara nyata raja digambarkan sebagai watak yang mudah ditipu dan dipermainkan oleh rakyat dengan begitu mudah. Dalam cerita Si Luncai sebagai contohnya, ditunjukkan bagaimana raja atau pihak pemerintah dengan mudah dipermainkan oleh rakyat

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

sehingga terpedaya hanya dengan tipu helah sahaja. Walaubagaimanapun, penipu tersebut menerima balasan kerana perbuatan menipu tidak disukai oleh masyarakat seperti Si Luncai yang akhirnya mati dibunuh kerana menipu raja.

Menurut Fatimah Md. Yassin (1991) lagi, kebanyakan cerita jenaka bersifat kritikan kerana secara nyata menyindir sikap seseorang. Hal sedemikian jelas dipaparkan dalam cerita Pak Kadok. Dalam cerita ini, Pak Kadok seorang yang lurus bendul dan jujur telah ditipu oleh raja yang tamak. Akibatnya Pak Kadok telah kehilangan kampung dan ayam kesayangannya. Menerusi cerita ini, sifat dan perbuatan raja telah disindir kerana menggunakan kuasa dan pengaruhnya dalam memperdayakan rakyat yang lemah. Melalui cerita ini juga masyarakat telah dididik supaya berhati-hati dan tidak mudah mempercayai kata-kata orang lain.

Selain mengemukakan cerita dalam bentuk yang penuh kelucuan, cerita jenaka juga menonjolkan nilai pengajarannya bagi mendidik masyarakat feudal. Menurut penulis ini, kebanyakan pengkaji mendakwa Lebai Malang adalah gambaran masyarakat yang tamak walhal sebenarnya Lebai Malang adalah sebuah watak yang tidak menepati masa. Akibat daripada sifatnya itu telah menyebabkan dirinya tidak dapat menghadiri kesemua jemputan kenduri yang diterimanya kerana kesemuanya telah selesai. Sikap tidak menepati masa Lebai Malang ini adalah gambaran sifat dan kelemahan yang tidak dipandang berat dalam masyarakat Melayu lama. Berdasarkan kepada sikapnya itu, masyarakat disarankan supaya menepati masa agar tidak menerima nasib seperti lebai Malang. Walaupun memiliki sikap yang tidak menepati masa, Lebai Malang ditonjolkan sebagai manusia yang sabar kerana bersikap tenang apabila diberitahu bahawa kesemua majlis telah selesai. Kesabaran Lebai Malang ini juga menjadi salah satu unsur pengajaran yang boleh dicontohi oleh masyarakat.

Dalam makalah ini Fatimah Md. Yassin (1991) juga ada menyatakan bahawa di dalam cerita jenaka terdapat dua unsur kepintaran yang boleh dijadikan pengajaran iaitu yang menguntungkan dan yang merugikan diri sendiri. Contoh unsur kepintaran yang menguntungkan diri sendiri ditonjolkan dalam kisah Pak Belalang manakala kepintaran membawa padah pula ditunjukkan dalam cerita Si Luncai. Berdasarkan kepada kenyataaan itu, jelaslah menunjukkan bahawa kepintaran yang disertakan

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

usaha akan menguntungkan manakala kepintaran yang disertakan pembohongan akan membawa padah kepada diri sendiri.

Aripin Said (1996) pula, dalam bukunya yang bertajuk *Prosa Warisan*, menyatakan bahawa terdapat dua jenis cerita jenaka yang menjadi warisan dalam perkembangan kesusasteraan iaitu cerita yang telah sebati dengan masyarakat Melayu dan cerita-cerita yang menerima unsur-unsur pengaruh Arab dan Farsi. Antara cerita jenaka yang sebati dengan masyarakat Melayu ialah “Pak Kadok”, “Pak Pandir, “Lebai Malang”, Pak Belalang, “Si Luncai” dan “Mat Jenin” manakala cerita yang mempunyai pengaruh Arab dan Farsi termasuklah cerita “Musang Berjanggut”, “Abu Nawas” dan “ Khoja Nasyarudin”.

Menurut Aripin Said (1996) lagi, cerita jenaka seringkali menggambarkan tentang suasana masyarakat feudal yang terdiri daripada watak rakyat biasa, raja dan orang besar istana. Tujuan cerita jenaka ini disampaikan adalah untuk mengkritik tingkah laku kurang sopan anggota masyarakat bawahan atau atasan selain untuk memberi hiburan kepada yang mendengarnya.

Seperti pengkaji cerita rakyat lain, Aripin Said (1996) juga menyatakan bahawa terdapat tiga golongan watak dalam cerita jenaka tempatan. Golongan watak yang pertama ialah golongan cerita orang bodoh yang diwakili oleh watak Pak Kadok dan Lebai Malang. Cerita golongan pertama ini menggambarkan kebodohan watak utamanya sehingga nasib watak tersebut menjadi terlalu malang kerana kebodohannya sendiri. Kebodohannya berpunca dari buah fikiran yang tidak sesuai dengan keadaan. Sebagai contoh, cerita Pak Kadok yang menang bersabung ayam tetapi kampungnya tergadai adalah disebabkan kebodohannya menukar ayamnya dengan ayam raja.

Golongan kedua ialah golongan cerita orang lurus yang digambarkan dalam cerita Pak Pandir. Pak Pandir selalu ditonjolkan sebagai orang bodoh tetapi dalam kebodohan itu terselit kecerdikannya. Sebagai contoh, sewaktu isterinya, Mak Andeh meminta Pak Pandir menangkap belalang rusa untuk dijadikan umpan kail tetapi Pak

Pandir telah menangkap seekor anak rusa untuk dijadikan umpan. Pak Pandir hanya tersedar kesilapannya itu apabila isterinya menegur mengenai rusa yang ditangkapnya.

Golongan watak yang ketiga ialah watak cerdik pintar dalam cerita Pak Belalang dan Si Luncai yang menceritakan tentang kebijaksanaan watak utamanya. Contoh cerita bagi golongan ketiga ini ialah cerita Pak Belalang yang telah diminta untuk mengenal pangkal dan hujung sebatang kayu yang panjang dan diketam cantik. Bagi mengetahui jawapan kepada persoalan itu, Pak Belalang telah mengintai perbualan orang yang membawa masalah tersebut dan akhirnya dia berjaya mengetahui jawapan dan menyelamatkan maruah raja yang dihadapkan dengan persoalan tersebut.

Menurut Aripin Said (1996), ketiga-tiga golongan watak ini dicipta bagi mempelbagaikan bentuk jenaka walaupun tujuan asalnya bukan berpaksi kepada kepelbagaiannya, tetapi kepada falsafah dan sindiran yang dikiaskan melalui sifat pada watak yang digunakan seperti sifat bodoh, lurus dan cerdik pintar. Selain itu, penulis ini juga menerangkan cerita jenaka Melayu mempunyai persamaan dengan cerita jenaka bangsa lain didunia ini. Cerita Pak Pandir sebagai contoh turut ditemui dalam masyarakat Batak di Sumatera, Sunda, dan Jawa. Manakala Cerita Pak Belalang pula sangat terkenal dalam masyarakat Aceh dan masyarakat orang Mon di Indo-China, Filipina dan Sri Lanka.

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Selain membincangkan lima buah cerita jenaka Melayu popular, Aripin Said (1996) juga membincangkan mengenai cerita jenaka yang menerima pengaruh Farsi, iaitu cerita Musang Berjanggut. Cerita Musang Berjanggut adalah cerita yang tinggi nilainya kerana mempamerkan kecerdikan dan kepintaran wanita dalam memonopolikan dunia lelaki. Cerita ini digunakan sebagai kiasan kepada golongan atasan terutamanya pembesar negeri supaya tidak bertindak mengikut hawa nafsu.

Dari segi kajian cerita jenaka, tulisan Aripin Said (1996) ini telah mengkategorikan beberapa watak-watak jenaka Melayu berdasarkan kepada sifat yang dimiliki oleh watak. Selain itu, Aripin Said (1996), turut menganalisis sifat watak jenaka Melayu secara ringkas untuk memberi kefahaman pembaca mengenai watak jenaka.

Dari pengamatan pengkaji, tulisan Aripin Said (1996) ini tidak memberi penekanan yang mendalam didalam setiap perbincangannya kerana penulis ini hanya membincangkan aspek-aspek umum yang didapati dalam cerita jenaka Melayu. Meskipun tidak membincangkan secara mendalam setiap aspek yang dibincangkannya, tulisan Aripin Said (1996) ini didapati telah menghuraikan dengan baik setiap aspek yang dibincangkannya. Selain itu, setiap aspek yang dibincangkan oleh penulis ini juga dapat mengesahkan lagi hasil penemuan kajian seperti yang dinyatakan oleh pengkaji cerita rakyat sebelumnya.

Manakala Shaiful Bahri Md. Radzi (2000) dalam tesis kedoktorannya pula telah menjalankan kerja lapangan mengumpul cerita jenaka lisan Melayu. Pengkaji ini telah mengumpul cerita jenaka di Melaka, Selangor dan Pahang. Hasilnya, beliau memperoleh sebanyak dua ratus enam belas buah cerita jenaka moden dan tradisional sebagai korpus kajiannya.

Atas sebab persembahan cerita dalam masyarakat Melayu pada masa dahulu hanya memberi gambaran ringkas berkenaan isi cerita sahaja, maka dalam kajiannya Shaiful Bahri Md. Radzi (2000) telah memberi tumpuan perbincangan mengenai konteks tradisi bercerita dalam masyarakat Melayu. Menurut pengkaji ini, terdapat beberapa aspek yang telah menyebabkan tradisi persembahan cerita menjadi semakin tidak popular. Hal ini disebabkan kebanyakan anggota masyarakat sekarang lebih menyukai bentuk hiburan semasa dan jenaka moden seperti lawak jenaka yang dipaparkan di kaca televisyen.

Shaiful Bahri Md. Radzi (2000) turut memberi perhatian berkenaan faktor-faktor yang menentukan kejayaan dalam persembahan cerita dalam masyarakat Melayu. Penulis ini menyatakan bahawa persembahan aspek struktur cerita dan kemahiran bercerita perlu diberi perhatian khusus bagi menarik perhatian pendengar. Hal ini disebabkan struktur cerita dan penceritaan yang menarik dapat menarik perhatian penonton.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Seterusnya, penulis ini telah membuat beberapa klasifikasi atas korpus kajiannya. Klasifikasinya berdasarkan aspek dalaman cerita seperti tema, wira, jalan cerita dan kaedah penceritaan. Klasifikasi pertama yang beliau lakukan adalah berdasarkan kepada tema cerita jenaka Melayu. Pada asalnya, hanya terdapat tiga tema utama, iaitu tema bodoh sial (Lebai Malang dan Pak Kadok) tema pintar bodoh dalam (Pak Pandir) dan tema pintar (Pak Belalang dan Si Luncai).

Lumrahnya, unsur-unsur kelucuan ditonjolkan melalui sifat watak utama dalam cerita jenaka Melayu. Watak utama jenaka sering digambarkan bersifat bodoh pintar, licik dan mahir menipu bagi mempamerkan unsur kelucuan agar membuat pendengar ketawa.

Plot juga merupakan salah satu unsur yang dapat mencetuskan unsur jenaka. Penulis ini telah membincangkan empat kategori plot. Kategori plot pertama ialah salah tafsiran arahan atau salah tafsiran situasi sebagaimana yang ditonjolkan dalam cerita Pak Pandir. Secara nyata, unsur kejenakaan diperlihatkan apabila Pak Pandir salah mentafsir sesuatu keadaan sehingga perbuatannya kelihatan tidak masuk akal dan menampakkan kelemahan dirinya. Kejadian seperti ini menyebabkan pendengar ketawa. Kategori kedua ialah plot penipuan yang menghasilkan sama ada kesan positif atau kesan negatif kepada penipunya seperti dalam cerita lembu dan kerbau. Ketiga adalah plot yang memberi reaksi pelik dengan sesuatu keadaan. Dan akhir sekali plot pelbagai turut ditemui dalam cerita jenaka Melayu. Semua plot ini didapati akan menimbulkan unsur kelucuan dalam cerita jenaka Melayu. Selain plot, terdapat juga unsur-unsur lain seperti penggunaan bahasa asing, dialek, bahasa klasik, unsur pengulangan, versi cerita, dan frasa-frasa yang ringkas bagi menimbulkan unsur kejenakaan.

Dalam kajian tersebut, Shaiful Bahri Md. Radzi (2000) telah mempraktikkan empat buah teori jenaka dalam analisisnya dan keempat-empat teori tersebut ialah i)Kejanggalan, ii) kekaburan, iii) kemustahilan dan iv) kejutan. Setiap daripada teori tersebut membantu pengkaji dalam menganalisis unsur kejenakaan cerita jenaka Melayu Brunei yang akan dilakukan kelak. Dalam penelitian pengkaji, Shaiful Bahri Md. Radzi (2000) telah membincangkan persembahan cerita jenaka Melayu dan

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH